



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
RABU 26 JULAI 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PADI LIMA MUSIM MAMPU KURANGKAN IMPORT, SUARA SINAR, SH -16	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	MARITIM NEGARA TAHAN BOT NELAYAN GAJI 19 WARGA ASING, NEGERI PERAK, SH -27	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	PASAR CILI KERING KE NEGARA LUAR, LOKAL, HM -11	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
4.	IMPIAN NELAYAN MILIKI RUMAH TERCAPAI MENERUSI PKPN, NEGERI TERENGGANU, SH -26	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/7/2023	SINAR HARIAN	SUARA SINAR	16

## Padi lima musim mampu kurangkan import

**TINDAKAN** India menghentikan eksport beras putihnya minggu lalu harus dilihat sebagai amaran kepada Malaysia supaya tidak lagi bergantung kepada beras import yang semakin mahal disebabkan inflasi dalam pasaran makanan global.

India mengenakan larangan import ke atas beras bukan basmati selepas harga beras runcit meningkat di negara itu, selain berlaku kerosakan besar-besaran pada tanaman akibat hujan monsun.

Walaupun Malaysia mengimport lebih banyak beras dari Thailand dan Vietnam, langkah meningkatkan pengeluaran dalam negara termasuk melaksanakan penanaman padi dua tahun lima kali secara meluas seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini adalah lebih baik serta wajar disegerakan.

Penanaman padi setiap lima bulan itu sebenarnya sudah dilaksanakan di Sekinchan, Selangor mengikut standard tertentu dan terbukti mampu mengeluarkan hasil antara tujuh hingga 10 tan padi bagi sehektar setiap musim. Purata pengeluaran padi semasa di tempat lain hanya lima tan sehektar semusim.

Kini tiba masanya teknik dan standard penanaman padi di Sekinchan itu diperluas ke seluruh negara bagi menampung keperluan 32 juta penduduk yang sekarang masih bergantung lebih 30 peratus kepada beras import.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, negara mengeluarkan 1.67 juta tan beras pada 2021 dan mengimport 1.06 juta tan. Majoriti beras import ialah beras putih dan bakinya beras khusus yang sukar ditanam di negara ini seperti basmati. Secara purata, setiap rakyat Malaysia menggunakan 79 kilogram beras setahun.

Langkah membuat lebih banyak musim penanaman lebih praktikal kerana kawasan tanaman padi di seluruh negara seluas kira-kira 700,000 hektar sahaja, berbanding keluasan tanaman padi di Thailand dan Vietnam, masing-masing adalah seluas 10 juta hektar dan 7.5 juta hektar.

Salah satu hambatan rancangan menanam padi dua tahun lima musim berkenaan adalah keperluan menyediakan infrastruktur yang dijangka menelan kos sebesar RM3 bilion. Peruntukan itu adalah untuk membangunkan kemudahan seperti menaik taraf jalan, tali air dan saliran sawah, kata Perdana Menteri.

Meskipun mahal, rancangan tersebut adalah berbaloi untuk jangka panjang dan tidak boleh ditangguhkan, mengambil kira ancaman sekuriti makanan dihadapi dunia sekarang disebabkan perubahan iklim serta konflik politik.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/7/2023	SINAR HARIAN	NEGERI PERAK	27

## Maritim Perak tahan bot nelayan gaji 19 warga asing

**IPOH** - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Perak menahan sebuah bot nelayan tempatan kelas C yang menggajikan 19 warga asing tanpa kebenaran, semasa rondaan di sekitar perairan negeri itu pada Isnin.

Pengarahnya, Kepten Maritim Mohd Hambali Ya'akup berkata, bot tersebut dikesan pihaknya pada kedudukan 6.4 batu nautika barat Sungai Tiang, kira-kira jam 1 tengah hari.

"Hasil pemeriksaan mendapati, bot itu dikendalikan tiga kru warga Thailand dan 16 kru warga Myanmar berumur lingkungan 21 hingga 52 tahun, yang berada di atas bot.

"Pemeriksaan lanjut mendapati, teknong gagal mengemukakan dokumen

kebenaran penggunaan kru warga asing oleh Ketua Pengarah Perikanan Malaysia," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Tambah Mohd Hambali, kes disiasat di bawah Akta Perikanan 1985, kerana melanggar syarat sah lesen iaitu menggunakan kru warga asing tanpa kebenaran yang sah dan Akta Imigresen 1959/63, kerana memalsukan dokumen serta tinggal di Malaysia tanpa dokumen pengenalan diri yang sah.

Ujarnya, kesemua nelayan yang ditahan, bot dan peralatan menangkap ikan dirampas sebelum dibawa ke jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kampung Acheh, Sitiawan untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat bagi tindakan selanjutnya. - Bernama

# Pasar cili kering ke negara luar

*Syarikat Imperia Asia Agro Farm sasar inisiatif STeP buka peluang produk ke pasaran antarabangsa*

**2030**  
**PERAK**  
**SEJAHTERA**

Oleh Muhammad Lokman  
Khairi  
am@hmetro.com.my

**Teuk Intan**



ATAS: YAK! 30 tan cili segar dapat dihasilkan setiap musim.  
BESAR: Muhamad Tarmizie berjaya menjual cili kering ke negara luar.

**B**ermula dengan percutian syarikat itu semakin semakin berkembang dan memiliki lokasi ladang dengan luas keseluruhan 74 hektar di beberapa lokasi di Perak. Pengurus Eksekutifnya, Muhammad Tarmizie Bidin, 41, berjaya membentabat syarikat dalam bidang agromakanan pada asalnya menyerah untuk penjualan cili segar semata-mata.

"Percubaan kami menanam 1,000 pokok cili merah Kulai dalam beg poli membuatkan hasil lumayan," katanya. "Pada 2020 lalu, Hasil penghujung tahun tuai satu ladaang itu RM40,000.

"Malah hasil pertama

yang luar biasa, ia menjadi pemangkin semangat untuk kami teroka lagi perusahaan ini. Kami buka ladang baharu di sekitar Teluk Intan bagi meningkatkan lagi produksi cili segar, sekali gus menyasarkan peningkatan untung syarikat," katanya.

Menurunnya, potensi syarikat itu menarik perhatian beberapa agensi pertanian seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (EA-MA) serta Institusi Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) untuk

diusahakan kini, 30 tan cili segar dapat dihasilkan bagi setiap musim atau empat bulan.

"Alhamdulillah, buat masa ini hasil pendapatan syarikat daripada penjualan produk cili kering ini boleh mencapai RM100,000 sebulan dan kita harap ia akan terus meningkat."

"Pengguna boleh mendapatkan produk kami di Shopee Imperia Asia Agro Farm atau hubungi talian 017-8757866 untuk membuat pesanan," katanya.

Muhammad Tarmizie berjaya syarikatnya berterima kasih kepada Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STEP) melalui inisiatif Persekutuan Sehingga 2030 yang membuka peluang kepada Imperia Asia Agro Farm memastikan cili kering serta beberapa lagi produk keharusan syarikatnya ke peringkat antarabangsa.

"Terdekat, 27 hingga 30 Julai ini saya akan ikuti pameran Malaysia Fest 2023 di Singapura bagi menggalakkan lagi potensi pasar dan perniagaan produk di negara itu," katanya.

Lebih membanggakan, rezeki dikongsi bersama penduduk setempat dengan perluang pekerjaan kepada hampir 100 kakitangan syarikat baik di ladang, kilang mahu pun pejabat urusan.

Pada satu-satu masa, 700 kilogram cili dapat dikeringkan dan selepas itu segera dibungkus bagi memastikan kesegarannya terjamin.

"Dari segi fizikal seperti warna dan tekstur produk cili kering kita berbeza dari cili kering biasa diimport dari Thailand dan China yang mudah diperoleh di pasaran.

"Melalui penggunaan cili variasi ini serta SOP sepanjang proses operasi pengeringan, penyimpanan dan pembungkusan, cili kering dihasilkan tidak begitu pedas. Semua peringkat umur mahal anak-anak dan warga emas boleh menikmatinya. "Serat glukosa dalam cili merah Kulai juga menghasilkan bau wangit unik yang menonjol sebaik pengguna membuka bungkus produk cili kering ini," katanya.

Muhammad Tarmizie berkata, FAMA melanik syarikatnya sebagai rakan pemasaran kontrak pemasaran (RPPK) yang membolehkan

Imperia Asia Agro Farm me-

lantik dan membuat kontrak bersama peladang tempatan supaya hasil ladang dijual kepada pusat pengumpulan ladang (PPL) di bangunan Imperia Asia Agro Farm.

Menurutnya, cili segar susah dibersihkan di tempatkan dalam mesin pengering dengan suhu 75 derajat Celsius selama 16 jam.

"Situasi itu menceburi industri asas tan iaitu sebagaimana pengeluaran cili kering premium dengan pendekatan kami sendiri," katanya.

Berkongsi nilai kualiti ditawar produk miliknya, Muhammad Tarmizie berkata, hanya cili merah Kulai Gred A dan bersaiz besar sahaja dipilih selepas dipetik dari ladang.

Menurutnya, cili segar susah dibersihkan di tempatkan dalam mesin pengering dengan suhu 75 derajat Celsius selama 16 jam.

Menurutnya, cili segar susah dibersihkan di tempatkan dalam mesin pengering dengan suhu 75 derajat Celsius selama 16 jam.

MUHAMMAD Tarmizie menunjukkan produk cili kering dihasilkan syarikat Imperia Asia Agro Farm melawat ladang Imperia Asia Agro Farm pada 2021 lalu.

Muhammad Tarmizie berkata, FAMA melanik syarikatnya sebagai rakan pemasaran kontrak pemasaran (RPPK) yang membolehkan Imperia Asia Agro Farm melantik dan membuat kontrak bersama peladang tempatan supaya hasil ladang dijual kepada pusat pengumpulan ladang (PPL) di bangunan Imperia Asia Agro Farm.

"Pada 2021 berlaku lam-bakan cili di PPL sehingga memberi kesan stok cili se-

gar stuck di ladang.

"Pada 2020 lalu, Hasil penghujung tahun tuai satu ladaang itu RM40,000.

"Malah hasil pertama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA
26/7/2023	SINAR HARIAN	NEGERI TERENGGANU	SURAT

## Impian nelayan miliki rumah tercapai menerusi PKPN

**BANDAR PERMAISURI** - Impian seorang nelayan, Roslan Yaacob untuk memiliki kediaman sendiri akhirnya tercapai, apabila rumah bina baharu yang dipohong di bawah Projek Khas Perumahan Nelayan (PKPN) Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKM), berjaya disiapkan buatan lepas.

Roslan, 42, berkata, beliau sekeluarga amat bersyukur dan gembira kerana mendapat bantuan rumah baharu bernilai RM67,600 termasuk peruntukan tambahan RM11,600 daripada LKM, yang sekali gus menamatkan 'episod' menumpang di rumah datuknya, selama ini.

"Tampa bantuan tersebut sudah pasti hajat saya mahu tinggal di rumah sendiri yang selesa dan cantik hanya tinggal impian," kata ahli Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Setiu itu kepada Bernama.

Tambahnya, pendapatan yang tidak menentu sekitar ha-

nya RM1,000 sebulan, cuma mampu digunakan untuk membeli keperluan harian seperti makaran dan membayar persekutuan anak-anak sahaja. Tambahnya, usaha kerajaan Persekutuan melalui LKM, menyurukkan bantuan kepada nelayan yang berpendapatan rendah seperti dirinya, telah meringankan beban nelayan dan memberi semangat kepada mereka untuk berusaha lebih gigit menangkap ikan.

Pengerusi LKM, Muhammad Faiz Fadzil baru-baru ini telah menyampaikan kunci rumah tersebut kepada Roslan dalam satu majlis di Kampung Telaga Papan, dekat sini.

Muhammad Faiz pada majlis itu memberitahu, sebanyak 73 buah rumah PKPN dibina tanun ini menerusi program tersebut.

"Kerajaan amat mengambil

perhatian terhadap nasib nela-

yan dan berusaha memberi pel-

bagai bantuan kepada mereka,

termasuk bina baharu rumah secara percuma, baik pulih rumah, selain memberi bantuan peralatan menangkap ikan," ujarnya.

Sementara itu, Pengurus

PNK Setiu, Omar Ismail berkata,

nelayan yang berkelayakan bo-

leh memohon rumah bina ba-

haru di bawah program itu, de-

ngan mendapatkan borang di



Roslan (dua dari kanan) ketika menerima replika kunci rumah baharunya daripada Muhammad Faiz (tengah) dalam satu majlis di Kampung Telaga Papan, Bandar Permaisuri baru ini.

mohonan rumah PKPN ini ialah pemohon perlu berumur 18 tahun ke atas, ketua isi rumah (KIR) nelayan yang menjalankan aktiviti menangkap ikan sebagai sumber pendapatan utama, memiliki kad nelayan, memiliki lesen vesel perikanan yang sah, selain perlu mempunyai tanah di atas nama sendiri dan beberapa syarat lain," katanya.

pejabat PNK Setiu atau PNK di daerah masing-masing. "Pemohon perlu menyertakan kembali borang yang telah lengkap bersama dokumen sokongan yang diperlukan ke pejabat PNK dan kami kemudiannya akan serah borang tersebut kepada LKM untuk tindakan seterusnya.

"Antara syarat bagi per-